

Kapten terima anugerah professional pembelajaran sepanjang hayat



Kuantan, 18 November - "Susah bukan alasan untuk tidak berjaya", itulah kata-kata yang dipegang Kapten Mohd Radzi Abdullah, penerima Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat pada Majlis Konvokesyen ke-12 Universiti Malaysia Pahang yang berlangsung pada 18 hingga 20 Oktober 2017 baru-baru ini. Graduan Mohd Radzi, 53 merupakan anak keempat daripada keluarga besar seramai tujuh beradik. Bapa beliau berketurunan India manakala ibunya berketurunan Cina. Kesusahan hidup di zaman kecil membuatkan Radzi gigih berusaha untuk mengubah nasib keluarga. Beliau memulakan kerjaya sebagai anggota tentera dan ditauliahkan pangkat Leftenan Muda pada 1984 sebelum menamatkan perkhidmatan dan beralih arah ke bidang pengurusan di Wasco Coatings Malaysia Sdn. Bhd sebagai Pengurus Kanan, Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran.

Tuntutan kerjaya yang memerlukan beliau berpengetahuan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan mendorong Radzi untuk menyambung pengajian dalam bidang berkenaan. Menurut Mohd Radzi, Universiti Malaysia Pahang menjadi pilihan utama untuk beliau merealisasikan impian diri dan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Eksekutif Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran. Konsep pendidikan dan pembelajaran berterusan UMP yang sistematik, persekitaran pembelajaran yang kondusif dan tempoh pengajian yang fleksibel, memberi peluang serta memudahkan beliau untuk membahagikan masa sebagai pelajar tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai staf pengurusan di kilang beliau mencari rezeki.

"Bersaing dengan rakan kuliah yang lebih muda menjadi pembakar semangat untuk saya mencabar kemampuan diri dan membuktikan bahawa usia bukan penghalang untuk meraih kejayaan. Disiplin yang diterap sepanjang saya berkhidmat sebagai anggota tentera menjadi pemangkin kepada usaha gigih yang berterusan," tambah Radzi lagi. Membahagikan masa antara kerjaya dan pelajaran bukanlah sesuatu yang mudah, namun Radzi berjaya melakukannya apabila beliau berjaya memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 dan terpilih sebagai penerima pertama Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat pada Majlis Konvokesyen ke-12 Universiti Malaysia Pahang yang berlangsung pada 18 hingga 20 Oktober 2017. Dorongan daripada pensyarah dan perkongsian amalan terbaik serta pengalaman berurusan di dalam bidang keselamatan dan kesihatan persekitaran dengan pelbagai negara-negara maju seperti Germany, Netherland, Norway, Australia, Amerika, Jepun, Cina, Greece memberi nilai tambah kepada Radzi untuk mengaplikasikan pengalaman yang diperoleh bagi membantu beliau untuk lebih cemerlang di dalam pengajian. Mohd Radzi turut berpesan agar menjadikan kejayaan beliau sebagai contoh kepada generasi muda terutama kepada anak-anaknya dan berharap agar ilmu yang diperoleh dalam bidang keselamatan dan kesihatan persekitaran dapat disebar luas bagi manfaat generasi yang akan datang.

Disediakan Nadira Hana daripada Bahagian Komunikasi Korporat dan gambar oleh Mustaqim (FSKKP), Naufal (PNC)

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 23-11-2017, 09:37:52